

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN KOPERASI-KOPERASI

11. Alamat koperasi

Tiap-tiap koperasi hendaklah mempunyai alamat, yang didaftarkan mengikut Akta ini, yang ke situ segala notis dan perhubungan hendaklah dihantar, dan hendaklah memaklumkan Suruhanjaya tentang tiap-tiap pertukaran alamat itu.

12. Nama berdaftar hendaklah dipamerkan

Tiap-tiap koperasi hendaklah mempamerkan dengan ketara pada setiap cawangannya □

- (a) nama berdaftar koperasi itu; atau
- (b) dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya, apa-apa nama atau logo lain sebagaimana yang boleh melambangkan koperasi itu.

13. Dokumen terbuka untuk diperiksa

- (1) Tiap-tiap koperasi hendaklah menyediakan □
 - (a) suatu salinan Akta ini dan peraturan-peraturan atau perintah, arahan atau garis panduan;
 - (b) suatu salinan undang-undang kecilnya dan akaun terauditnya yang terakhir;
 - (c) suatu senarai anggotanya;
 - (d) suatu senarai anggota Lembaga;
 - (e) nama ketua pegawai eksekutifnya, jika ada; dan
 - (f) suatu senarai pegawai koperasi yang berkenaan dengan pengurusan koperasi itu, jika ada;

yang terbuka untuk diperiksa oleh anggota-anggotanya sahaja, tanpa apa-apa bayaran, pada segala masa yang munasabah di alamat berdaftar koperasi itu.

(2) Mana-mana koperasi atau pegawai koperasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan □

- (a) dalam hal suatu koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan boleh sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; atau
- (b) dalam hal seorang pegawai koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

14. Dokumen-dokumen yang hendaklah diserahkan kepada Suruhanjaya

- (1) Tiap-tiap koperasi hendaklah menyerahkan kepada Suruhanjaya
 - (a) suatu senarai anggota Lembaga tidak lewat daripada lima belas hari selepas mesyuarat agung tahunannya;
 - (b) minit-minit segala mesyuarat agung tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas tarikh mesyuarat-mesyuarat itu;
 - (c) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Suruhanjaya berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan keadaan kewangan koperasi itu termasuk minit mesyuarat Lembaga.
- (2) Mana-mana koperasi atau pegawai koperasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan
 - (a) dalam hal suatu koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan boleh sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; atau
 - (b) dalam hal seorang pegawai koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

15. Daftar anggota

Apa-apa daftar atau senarai anggota yang disimpan oleh mana-mana koperasi hendaklah menjadi keterangan *prima facie* tentang nama, alamat, nombor kad pengenalan, nombor keanggotaan dan pekerjaan seseorang anggota dan tarikh dia menjadi anggota dan terhenti menjadi anggota.

16. Bukti catatan dalam buku-buku koperasi

(1) Salinan apa-apa catatan dalam sesuatu buku sesuatu koperasi yang lazim disimpan dalam perjalanan urusannya hendaklah, jika diperakui mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan, diterima dalam apa-apa prosiding undang-undang, sama ada sivil atau jenayah, dan hendaklah diterima sebagai keterangan bagi perkara-perkara, transaksi-transaksi dan akaun-akaun yang direkodkan di dalamnya dalam tiap-tiap kes jika, dan sehingga takat yang sama sebagaimana, catatan yang asal itu sendiri boleh diterima.

(2) Tiada pegawai mana-mana koperasi boleh, dalam apa-apa prosiding undang-undang yang koperasi itu tidak menjadi satu pihak kepadanya, dipaksa supaya mengemukakan mana-mana buku koperasi itu yang kandungannya boleh dibuktikan di bawah subseksyen (1), atau supaya hadir sebagai saksi untuk membuktikan apa-apa perkara, transaksi atau akaun yang direkodkan di dalamnya, melainkan jika diarahkan sedemikian oleh mahkamah atas sebab-sebab khas.

17. Undang-undang kecil hendaklah mengikat anggota-anggota

(1) Undang-undang kecil sesuatu koperasi hendaklah, apabila didaftarkan, mengikat koperasi itu dan anggota-anggotanya sehingga takat yang sama seolah-olah undang-undang kecil itu telah ditandatangani oleh setiap anggota dan mengandungi waad pada pihak setiap anggota bagi dirinya sendiri dan bagi pengantinya untuk mematuhi segala peruntukan undang-undang kecil itu.

(2) Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, menghendaki undang-undang kecil suatu koperasi untuk mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kerahsiaan atau pendedahan yang dibenarkan dan undang-undang kecil itu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (1), mengikat koperasi itu dan anggota-anggotanya.

17A. Pemakaian undang-undang kecil

(1) Mana-mana undang-undang kecil sesuatu koperasi yang tidak selaras dengan peruntukan Akta ini hendaklah terbatal setakat ketidakselarasan itu.

(2) Tertakluk kepada mana-mana peraturan atau perintah atau arahan atau garis panduan, tiap-tiap koperasi hendaklah mengkaji semula undang-undang kecilnya dan membuat pindaan yang perlu dalam masa dua tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Suruhanjaya, untuk memastikan undang-undang kecilnya selaras dengan Akta ini.

(3) Jika koperasi itu, selepas kajian semula atau pindaan yang dibuat di bawah subseksyen (2), berpendapat bahawa undang-undang kecilnya adalah selaras atau sebaliknya, Lembaga koperasi hendaklah memberitahu hakikat itu kepada Suruhanjaya.

(4) Mana-mana koperasi atau pegawai koperasi yang tidak mematuhi subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan □

- (a) dalam hal suatu koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit dan boleh, sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; atau
- (b) dalam hal seorang pegawai koperasi, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

18. Pindaan undang-undang kecil koperasi

(1) Mana-mana koperasi boleh, tertakluk kepada Akta ini dan peraturan-peraturan, meminda undang-undang kecilnya, termasuklah undang-undang kecil yang mengisyiharkan nama koperasi itu.

(2) Tiada pindaan undang-undang kecil sesuatu koperasi boleh menjadi sah sehingga pindaan itu didaftarkan di bawah Akta ini, dan bagi maksud itu salinan-salinan pindaan itu hendaklah

dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(3) Jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa apa-apa pindaan undang-undang kecil itu tidaklah bertentangan dengan Akta ini atau peraturan-peraturan, Suruhanjaya boleh mendaftarkan pindaan itu.

(4) Sesuatu rayuan terhadap keengganan Suruhanjaya untuk mendaftarkan apa-apa pindaan mana-mana undang-undang kecil boleh dibuat kepada Menteri dan rayuan itu hendaklah dibuat dalam masa tiga bulan dari tarikh keengganannya.

(5) Sesuatu pindaan yang mengubah nama sesuatu koperasi tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi koperasi itu atau mana-mana anggotanya atau bekas anggotanya, dan apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai bolehlah diteruskan oleh atau terhadap koperasi itu di bawah nama barunya.

(6) Apabila Suruhanjaya mendaftarkan pindaan undang-undang kecil sesuatu koperasi, Suruhanjaya hendaklah mengeluarkan, kepada koperasi itu, satu salinan pindaan itu yang diperakui oleh Suruhanjaya, yang hendaklah menjadi keterangan konklusif tentang hakikat bahawa pindaan itu telah didaftarkan sewajarnya.

(7) Dalam seksyen ini, “pindaan” termasuklah pembuatan sesuatu undang-undang kecil baru dan pengubahan atau penghapusan sesuatu undang-undang kecil.

18A. Kuasa Suruhanjaya mengarahkan mesyuarat agung dipanggil untuk pindaan undang-undang kecil

(1) Suruhanjaya boleh mengarahkan mana-mana koperasi memanggil suatu mesyuarat agung, dalam tempoh yang akan dinyatakan oleh Suruhanjaya yang tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh pemberitahuan yang diberikan oleh Suruhanjaya, bagi maksud meminda undang-undang kecilnya jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa □

- (a) mana-mana undang-undang kecil sesuatu koperasi mempunyai tafsiran yang taksa atau yang meragukan dan berkemungkinan boleh mengelirukan atau ia bertentangan dengan atau tak konsisten dengan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (b) sesuatu pindaan adalah perlu atau dikehendaki demi kepentingan koperasi itu; atau
- (c) apabila pemberitahuan dibuat oleh Lembaga sesuatu koperasi di bawah subseksyen 17A(3), bahawa undang-undang kecil sesuatu koperasi adalah tidak selaras dengan Akta ini.

(2) Jika tiada mesyuarat agung dipanggil dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1), Suruhanjaya boleh meminda undang-undang kecil koperasi itu atas usulnya sendiri dan apa-apa pindaan yang dibuat hendaklah disifatkan sebagai pindaan berdaftar di bawah seksyen 18.

19. Pembentukan Subsidiari

(1) Tiada koperasi boleh membentuk, mempunyai, memperoleh atau menubuhkan sesuatu subsidiari kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya.

(2) Tiada koperasi boleh memberikan apa-apa pembiayaan Islam atau kemudahan kredit atau memberi apa-apa jaminan atau aku janji bagi pembiayaan atau kemudahan itu atau memindahkan apa-apa wang atau aset dalam apa-apa bentuk kepada subsidiarinya kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh, melalui suatu notis secara bertulis, menghendaki mana-mana subsidiari sesuatu koperasi untuk mematuhi apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Akta ini, peraturan-peraturan atau perintah atau arahan atau garis panduan.

(4) Mana-mana koperasi atau pegawai koperasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan □

- (a) dalam hal suatu koperasi, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit dan boleh sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; atau
- (b) dalam hal seorang pegawai koperasi, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh, sebagai tambahan, didenda harian satu ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

19A. Cawangan koperasi atau subsidiari

(1) Tiada koperasi atau subsidiari sesuatu koperasi boleh membuka apa-apa cawangan di dalam atau di luar Malaysia tanpa kelulusan bertulis terlebih dahulu Suruhanjaya.

(2) Mana-mana koperasi atau pegawai koperasi yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit.

20. Pelupusan hasil kepada atau melalui koperasi berdaftar - dimansuhkan -

21. Pewujudan gadaian bagi faedah koperasi

(1) Tertakluk kepada apa-apa tuntutan terdahulu Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri ke atas harta penghutang dan kepada *lien* atau tuntutan seseorang tuan tanah atau tuan rumah berkenaan dengan sewa atau apa-apa wang yang boleh didapatkan sebagai sewa dan, dalam hal harta tak alih, kepada apa-apa gadaian berdaftar terdahulu atasnya □

- (a) apa-apa hutang atau apa-apa tuntutan belum terjelas yang kena dibayar kepada sesuatu koperasi oleh mana-mana anggota atau bekas anggota hendaklah menjadi gadaian pertama atas segala tanaman atau hasil pertanian yang lain, ikan (air tawar

dan air masin), kayu yang ditebang atau hasil hutan yang lain, hasil laut, ternakan, makanan ternakan, alat pertanian, perindustrian dan perikanan, loji, jentera, bot, takal dan jaring, bahan mentah, stok barang dan pada umumnya segala hasil buruh dan benda yang digunakan berkaitan dengan pengeluaran yang kesemuanya atau sebahagiannya diperdapatkan, dibeli atau dihasilkan daripada apa-apa pinjaman, sama ada dalam bentuk wang atau barang, yang diberikan kepadanya oleh koperasi itu;

- (b) apa-apa tuntutan atau bareh yang belum terjelas yang kena dibayar kepada sesuatu koperasi perumahan berdaftar oleh mana-mana anggota atau bekas anggota berkenaan dengan sewa, syer, pinjaman atau wang pembelian atau apa-apa hak atau amaun lain yang kena dibayar kepada koperasi itu hendaklah menjadi gadaian pertama atas kepentingannya mengenai harta tak alih koperasi itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam perenggan (1)(a) boleh menyentuh mana-mana pembeli *bona fide* atau penerima pindahan *bona fide* tanpa notis.

22. Lien dan tolakan berkenaan dengan syer, pulangan atau kepentingan anggota-anggota

Sesuatu koperasi hendaklah mempunyai *lien* atas syer, yuran, pulangan atau kepentingan dalam modal dan deposit seseorang anggota atau bekas anggota atau anggota yang mati dan atas apa-apa dividen, potongan langganan, atau keuntungan yang kena dibayar kepada seseorang anggota atau bekas anggota atau kepada harta pusaka seseorang anggota yang mati berkenaan dengan apa-apa hutang yang kena dibayar kepada koperasi itu oleh anggota atau bekas anggota itu atau daripada harta pusaka itu, dan boleh menolak apa-apa jumlah wang yang dikreditkan atau kena dibayar kepada seseorang anggota atau bekas anggota atau harta pusaka seseorang anggota yang mati sebagai bayaran atau sebagai sebahagian daripada bayaran apa-apa hutang sedemikian.

23. Syer, yuran, pulangan atau kepentingan tidak boleh dikenakan penahanan atau penjualan

Tertakluk kepada seksyen 22, syer, yuran, pulangan atau kepentingan seseorang anggota dalam modal sesuatu koperasi tidaklah boleh dikenakan penahanan atau penjualan di bawah apa-apa dekri atau perintah mahkamah berkenaan dengan apa-apa hutang atau liabiliti yang ditanggung oleh anggota itu, dan baik pemegang hartanya dalam ketaksolvenan mahupun penerima yang dilantik sewajarnya tidaklah berhak terhadap, atau mempunyai apa-apa tuntutan ke atas, syer, yuran, pulangan atau kepentingan itu.

24. Kuasa untuk memperlakukan harta dan, pulangan atau kepentingan anggota-anggota yang mati

(1) Apabila seseorang anggotanya mati, sesuatu koperasi boleh memindahkan syer, pulangan atau kepentingan mengikut mana-mana yang berkenaan anggota yang mati itu □

- (a) dalam hal anggota yang mati yang Muslim, kepada wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu atau kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah orang

yang berhak mendapat syer, pulangan atau kepentingan mengikut mana-mana yang berkenaan itu menurut apa-apa pembahagian yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pembahagian harta pusaka; atau

- (b) dalam hal anggota yang mati yang bukan Muslim, kepada orang yang dinamakan mengikut peraturan-peraturan bagi maksud itu atau, jika tiada orang yang dinamakan sedemikian, kepada orang yang didapati oleh Lembaga ialah waris atau wakil di sisi undang-undang bagi anggota yang mati itu,

dan boleh membayar kepada wakil di sisi undang-undang, penama, waris atau orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu jumlah wang yang merupakan nilai syer, pulangan atau kepentingan mengikut mana-mana yang berkenaan anggota yang mati itu, sebagaimana yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang kecilnya.

(2) Jika anggota yang mati itu bukan Muslim, dan penama, waris atau wakil di sisi undang-undang itu tidak layak mengikut Akta ini, peraturan-peraturan atau undang-undang kecil untuk menjadi anggota, maka koperasi itu boleh, atas permohonan penama, waris atau wakil di sisi undang-undang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa enam bulan dari kematian anggota itu, memindahkan syer, pulangan atau kepentingan syer, pulangan atau kepentingan, mengikut mana-mana yang berkenaan anggota itu kepada mana-mana orang yang dinyatakan dalam permohonan itu layak menjadi anggota.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika enam bulan sudah berlalu sejak kematian anggota yang Muslim dan koperasi yang berkenaan tidak dapat menentukan siapakah wakil di sisi undang-undang bagi anggota itu atau tiada wakil di sisi undang-undang telah dilantik atau harta pusaka anggota itu belum dibahagikan atau harta pusaka anggota itu telah dibahagikan tetapi koperasi itu tidak dapat menentukan siapakah orang yang berhak mendapat syer, pulangan atau kepentingan mengikut mana-mana yang berkenaan itu menurut pembahagian itu, maka koperasi itu boleh membayar kepada Pegawai Pentadbir Pusaka sejumlah wang yang merupakan nilai syer, pulangan atau kepentingan mengikut mana-mana yang berkenaan anggota itu sebagaimana yang ditentukan mengikut peraturan-peraturan atau undang-undang kecilnya.

(4) Sesuatu koperasi boleh membayar segala wang lain yang kena dibayar kepada seseorang anggota yang mati oleh koperasi itu kepada wakil di sisi undang-undang, Pegawai Pentadbir Pusaka, penama, waris atau orang, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (3).

25. Deposit oleh atau bagi pihak kanak-kanak

(1) Sesuatu koperasi boleh menerima deposit daripada atau bagi faedah kanak-kanak dan koperasi itu boleh membayar bonus daripada keuntungan bersihnya atas deposit-deposit sedemikian.

(2) Apa-apa deposit yang dibuat oleh atau bagi faedah kanak-kanak itu boleh, berserta dengan bonus, dibayar kepada kanak-kanak itu atau kepada penjaga kanak-kanak itu bagi kegunaan kanak-kanak itu.

(3) Penerimaan mana-mana kanak-kanak atau penjaga akan wang yang dibayar kepadanya

oleh sesuatu koperasi di bawah seksyen ini hendaklah menjadi pelepasan yang mencukupi bagi liabiliti koperasi itu berkenaan dengan wang itu.